

22/03/1997

Perdana Menteri tiba di Jeddah

JEDDAH, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Jeddah hari ini untuk memulakan lawatan tiga hari ke Arab Saudi.

Perdana Menteri yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali seterusnya ke Makkah untuk mengerjakan umrah sebelum ke Riyadh esok.

Ketibaan Perdana Menteri di lapangan terbang antarabangsa Jeddah disambut Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Duta Malaysia ke Arab Saudi Sapii Abu Samah.

Perdana Menteri dan isteri sebelum itu berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang kira-kira jam 10 pagi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan.

Dr Mahathir akan menerima Anugerah Hadiah Antarabangsa Raja Faisal kerana perkhidmatannya kepada Islam bagi tahun 1997 pada Sabtu malam (awal pagi Ahad Malaysia).

Dr Mahathir akan menerima sijil, sebuah pingat emas dan wang AS\$200,000 (RM495,000) pada majlis penyampaian anugerah itu di Dewan Persidangan Pusat Al-Khozamah di Riyadh esok. - Bernama

(END)